



## MEMO

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**RUJUKAN : PLPKL/SA/10/82 ( 51 )**

**TARIKH : 28 Julai 2010**

<b>PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN CIAST BIL. 19 TAHUN 2010 PERATURAN ASRAMA CIAST</b>	
<b>DARIPADA : Pengarah</b>	<b>SALINAN :</b>
<b>KEPADA : Ketua Bahagian/Program CIAST Penyelia dan Warden Asrama</b>	<b>Ketua Pengarah JPK TPPL, TPPP</b>

### 1. TUJUAN

Tujuan arahan ini adalah untuk memaklum dan menyelaraskan pelaksanaan Peraturan Asrama CIAST.

### 2. LATAR BELAKANG

2.1 CIAST menyediakan kemudahan asrama kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pelbagai kursus yang dianjurkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

2.2 CIAST juga sering menerima permohonan penginapan asrama dari pelbagai pihak untuk menggunakan kemudahan asrama oleh peserta-peserta yang menyertai pelbagai program di persekitaran Shah Alam, Selangor.

2.3 Pengurusan CIAST juga telah bersetuju supaya semakan semula dibuat keatas Peraturan Asrama sediaada.

2.4 Oleh yang demikian peraturan asrama sediaada telah dikemaskini dan dipersetujui dalam Mesyuarat Pengurusan Bil 6/2010 pada 20 Julai 2010 untuk dilaksanakan.

### 3. ARAHAN

3.1 Semua pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan urusan penginapan di asrama CIAST adalah bertanggungjawab memaklumkan peraturan asrama kepada semua pelajar yang dibenarkan tinggal di asrama CIAST.

3.2 Penganjur kursus hendaklah menentukan taklimat peraturan asrama hendaklah diberi kepada peserta kursus/pelajar-pelajar baru yang akan menghuni asrama.

3.3 Penyelia Asrama hendaklah menentukan Peraturan Asrama di letakkan di setiap bilik asrama sebagai panduan dan rujukan penghuni asrama.

3.4 Penyelia dan Warden Asrama hendaklah membuat pemantauan secara berjadual bagi menentukan peraturan asrama dipatuhi.

3.5 Sebarang pelanggaran peraturan asrama hendaklah dirujuk kepada Pengurusan CIAST untuk keputusan dan tindakan lanjut.

3.6 Satu laporan bulanan pemantauan hendaklah dikemukakan kepada Pengurusan CIAST untuk makluman.

### 4. TARIKH KUATKUASA

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

### 5. PENUTUP

Kerjasama tuan/puan adalah dipohon bagi memastikan Peraturan Asrama CIAST dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi"**



**(GHAZLAN BIN GHAZALI)**

Pengarah CIAST,

Shah Alam,

**SELANGOR**

## PERATURAN ASRAMA CIAST

A. Peraturan Asrama CIAST seperti dibawah perlu difahami dan dipatuhi oleh penghuni asrama CIAST.

<b>BIL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>PERATURAN ASRAMA</b>
1.	Aktiviti	Penghuni diwajibkan menghadiri, mengikuti dan mengambil bahagian di dalam apa-apa perjumpaan, perhimpunan, ceramah, taklimat dan lain-lain aktiviti yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa CIAST.
2.	Aktiviti	Penghuni tidak dibenarkan menghadiri atau mengelolakan apa-apa jenis perjumpaan atau aktiviti di kawasan asrama kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa CIAST.
3.	Aktiviti	Penghuni yang beragama Islam digalakkan menunaikan solat fardhu dan solat sunat Terawih secara berjemaah di surau CIAST.
4.	Bayaran	Penghuni hendaklah menjelaskan bayaran asrama secara tunai atau Pesanan Tempatan mengikut jadual kadar bayaran yang ditetapkan sebelum meninggalkan asrama.
5.	Berniaga	Penghuni tidak dibenarkan berniaga di mana-mana kawasan asrama kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa CIAST
6.	Haiwan	Penghuni dilarang memelihara atau menternak apa-apa jenis binatang di dalam bilik atau kawasan asrama.
7.	Kebersihan	Kebersihan bilik asrama adalah tanggungjawab penghuninya. Penggunaan cadar dan sarung bantal dimestikan
8.	Kebersihan	Penghuni dilarang mengotorkan dinding atau mana-mana bahagian bangunan asrama dengan apa cara sekali pun.
9.	Kebersihan	Penghuni hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dewan makan, kafeteria dan persekitaran asrama.
10.	Kelakuan	Penghuni hendaklah berkelakuan baik serta berhemah tinggi dan hendaklah sentiasa memelihara suasana harmoni di asrama.
11.	Kelakuan	Sebarang perlakuan penghuni yang melanggar Peraturan CIAST atau Undang-Undang Kerajaan atau yang boleh mencemarkan nama baik CIAST adalah dilarang.
12.	Kemudahan	Penghuni hendaklah menggunakan semua kemudahan dan kelengkapan asrama dengan baik dan bertanggungjawab.
13.	Kemudahan	Penghuni tidak dibenarkan membaikpulih peralatan dan kelengkapan yang rosak tanpa kelulusan Pihak Berkuasa CIAST.
14.	Kemudahan	Segala kerosakan kemudahan dan peralatan asrama hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Pihak Berkuasa CIAST.
15.	Kemudahan	Sebarang penampalan notis atau poster atau nota hanya boleh dibuat di papan notis yang disediakan. Penampalan atau penggangtungan sebarang

bahan di dinding asrama adalah dilarang.

16. Kenderaan Penghuni yang dibenarkan membawa kenderaan bermotor ke asrama hendaklah sentiasa mematuhi peraturan lalulintas yang ditetapkan.
17. Kenderaan Penghuni yang membawa kenderaan hendaklah mendapatkan pekat kenderaan sebagai kebenaran membawa masuk kenderaan ke kawasan CIAST.
18. Keselamatan Jika berlaku kecemasan yang memerlukan rawatan segera, penghuni hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa CIAST dengan segera. Jika warden tiada, hendaklah menghubungi mana-mana wakil aras, pensusyarah atau pengawal keselamatan.
19. Keselamatan Keselamatan harta benda penghuni adalah tanggungjawab sendiri. Bilik hendaklah sentiasa dikunci bagi tujuan keselamatan.
20. Keselamatan Penghuni ditegah melakukan perkara-perkara yang boleh mengganggu ketenteraman awam seperti membunyikan radio terlalu kuat, menjerit, membakar mercun dan sebagainya.
21. Keselamatan Penghuni hendaklah menutup paip air, suis lampu, kipas dan mengunci pintu sebelum meninggalkan bilik.
22. Keselamatan Penghuni tidak dibenarkan membawa sebarang jenis senjata ke dalam asrama.
23. Keselamatan Penghuni tidak dibenarkan membuat kunci pendua bilik asrama.
24. Keselamatan Penghuni yang menerima, mengetahui atau mengesyaki apa-apa jenis-jenis ancaman atau ugutan hendaklah melaporkan dengan segera kepada Pihak Berkuasa CIAST.
25. Keselamatan Penghuni yang nampak punca api hendaklah bertindak dengan bijaksana untuk memadamkannya atau berhubung terus dengan Pihak Berkuasa CIAST atau Jabatan Bomba dan Penyelamat. Penghuni hendaklah keluar dari bilik dengan segera dan berkumpul di satu tempat yang selamat seperti ditetapkan. Pihak Berkuasa CIAST hendaklah diberitahu serta merta mengenai kejadian yang berlaku.
26. Keselamatan Perkara-perkara yang menjadi punca kebakaran seperti ubat nyamuk, pelita, lilin atau sebarang perbuatan yang boleh mengakibatkan berlakunya kebakaran adalah tidak dibenarkan.
27. Keselamatan Sebarang bentuk penyambungan/pendawaian elektrik(wiring) di dalam bilik asrama adalah dilarang sama sekali. Mana-mana penghuni yang melakukan penyambungan/pendawaian elektrik adalah dianggap merosakkan harta benda atau bangunan CIAST dan Pihak Berkuasa CIAST berhak menuntut ganti rugi daripada penghuni.
28. Larangan Penghuni dilarang masuk ke kawasan dapur dan stor barang-barang/perkakas dewan makan pada bila-bila masa.
29. Larangan Penghuni lelaki dilarang memasuki kawasan asrama perempuan atau sebaliknya.

30. Larangan Penghuni dilarang merokok didalam bilik asrama, kawasan asrama dan persekitaran CIAST.
31. Makanan Makanan hanya dibekalkan pada waktu yang ditetapkan sahaja. Pelajar hendaklah mematuhi jadual makan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa CIAST.
32. Makanan Penghuni dikehendaki beratur semasa mengambil makanan, makan dengan tertib dan tidak bising semasa di dewan makan.
33. Makanan Penghuni dilarang memasak. Hanya makanan halal sahaja dibenarkan dibawa masuk ke asrama.
34. Notis Iklan dan notis hanya boleh ditampal dengan kebenaran Pihak Berkuasa CIAST di papan notis yang disediakan sahaja dalam tempoh yang ditetapkan.
35. Pakaian Pakaian tidak boleh disangkut pada tingkap atau tempat-tempat lain melainkan pada ampaian yang disediakan.
36. Pakaian Penghuni hendaklah sentiasa berpakaian kemas, sopan, tidak menjolok mata dan menutup aurat (yang beragama Islam) di kawasan CIAST. Penghuni dilarang;
- a. Memakai pakaian yang kurang sopan seperti seluar pendek, baju yang tidak berlungan atau pakaian yang bertulis kata-kata yang hina, logo parti politik atau mempunyai gambar atau lukisan yang tidak bersesuaian dengan budaya ketimuran
  - b. Ke dewan makan berkain sarong, pakaian sukan yang lusuh dan berpeluh, pakaian tidur, baju 'singlet', berselipar getah atau "safety boot".
37. Pelanggaran Pelanggaran peraturan asrama dianggap sebagai satu kesalahan dan penghuni boleh dikenakan tindakan yang sesuai oleh Pihak Berkuasa CIAST, manakala pelajar CIAST tindakan tatatertib boleh diambil oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar.
38. Pelawat Masa melawat adalah seperti berikut:  
 Hari Bekerja : 4.30 petang hingga 7.00 malam  
 Hari Kelepasan Am : 8.00 pagi hingga 7.00 malam
39. Pelawat Pelawat dikehendaki mengambil pas pelawat di Pondok Pengawal Keselamatan sebelum memasuki kawasan CIAST.
40. Pelawat Pelawat hendaklah dilayan di kafeteria atau lobi asrama atau di tempat yang disediakan. Pelawat dilarang memasuki bilik asrama.
41. Penginapan Penghuni dilarang bertukar bilik tanpa kebenaran daripada Pihak Berkuasa CIAST.
42. Penginapan Kunci hendaklah diserahkan sendiri ke Pejabat Penyelia Asrama pada waktu pejabat. Penghuni hendaklah menandatangani borang pengesahan inventori.
43. Penginapan Penghuni asrama hendaklah mendaftar masuk di Pejabat Penyelia Asrama.
44. Penginapan Penghuni hendaklah berada di asrama sebelum jam 12.00 tengah malam.


Pintu ke blok asrama wanita akan dikunci pada jam 12.00 tengah malam.

45. Penginapan Penghuni tidak dibenarkan memberi tumpangan penginapan kepada mana-mana pelajar lain, tetamu atau pelawat di mana-mana bilik asrama.
46. Penginapan Penghuni(pelajar kursus jangka panjang CIAST) yang hendak keluar asrama hendaklah melapor di Pondok Pengawal untuk rekod ketika keluar dan masuk semula ke CIAST.
47. Penginapan Pihak Berkuasa CIAST boleh mengarah penghuni mengosongkan bilik asrama atau berpindah ke bilik yang lain pada bila-bila masa.
48. Penyeliaan Penghuni tidak boleh menghalang atau menahan Pihak Berkuasa CIAST yang dibenarkan dari memasuki bilik penghuni untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajibannya pada bila-bila masa.
49. Peralatan Penggunaan alat elektrik di dalam bilik asrama hendaklah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa CIAST terlebih dahulu.  
Penggunaan tv, radio, cakera padat dan pemain kaset adalah dibenarkan dengan syarat tidak mengganggu ketenteraman penghuni lain.
50. Peralatan Penghuni hendaklah memastikan semua peralatan dan perabut di dalam biliknya lengkap dan sempurna seperti Senarai Inventori Bilik Asrama (Kew.PA 7) semasa mula menduduki bilik. Sebarang kekurangan atau kerosakan perlu dilaporkan kepada Pihak Berkuasa CIAST dengan segera.
51. Peralatan Penghuni hendaklah memastikan semua peralatan dan perabut di dalam biliknya lengkap dan sempurna seperti Senarai Inventori Bilik Asrama (Kew.PA 7) semasa keluar dari bilik asrama. Sebarang kos kekurangan atau kerosakan akan ditanggung oleh penghuni berkenaan.
52. Pindaan Pihak Berkuasa CIAST berhak untuk meminda atau menambah mana-mana peraturan dan penghuni asrama adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan berkenaan yang dikuatkuasakan dari semasa kesemasa.

B. Peraturan ini diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan CIAST Bil 6/2010 pada 20 Julai 2010

C. Tarikh Kuatkuasa : Peraturan ini berkuatkuasa dari tarikh ia dikeluarkan

**Disahkan oleh:**



(GHAZLAN BIN GHAZALI)

Pengarah CIAST

Tarikh: 28 Julai 2010